

12/05/1997

PM bahan cuitan forum

reports on "Ulang tahun ke-51 Umno" by Kamal Ahmad  
KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjadi bahan cuitan seorang yang senama dengannya, yang menjadi anggota panel satu forum mengenai Umno hinggakan Perdana Menteri sendiri kelihatan terhibur.

Keterbukaan sikap Prof Madya Mahadzir Mohd Khir dari Universiti Malaya, membuat Dr Mahathir tidak kering gusi dan hadirin ketawa terbahak-bahak.

Secara berseloroh beliau berkata: "Dr Mahathir ini ada kekuatan dan kelemahan, tetapi apa yang saya tahu beliau mempunyai lebih banyak kelemahan.

"Kelemahan ketara satu sahaja iaitu susah kita nak buat spekulasi dan selalunya beliau tak beri peluang langsung kita buat sebarang spekulasi."

Ini disambut dengan tepukan dan ketawa semua yang menghadiri forum Kejayaan dan Cabaran anjuran Pergerakan Pemuda Umno itu.

Prof Mahadzir berkata, spekulasi selalunya berasaskan kepada konvensional tetapi Dr Mahathir pula selalunya bersikap tidak konvensional dan ini adalah satu kelemahan padanya.

Sebagai contoh, katanya, beliau membuat spekulasi Dr Mahathir akan mengadakan pilihan raya umum pada 1999 sebelum pemilihan parti "tetapi Perdana Menteri akan buat pada tahun 2000".

Prof Mahadzir juga menarik perhatian hadirin dengan menyatakan, meskipun nama mereka berdua serupa tetapi ejaan nama beliau (Mahadzir) adalah betul, manakala ejaan pada nama Perdana Menteri (Mahathir) silap.

Mengenai pencapaian bangsa Melayu sejak penubuhan Umno pada tahun 1946 hingga sekarang, Mahadzir sekali lagi mengusik Dr Mahathir dengan menekankan perkataan pencapaian dan bukannya kecapaian yang sering diguna Perdana Menteri.

Malah ketika menyampaikan mandatnya kepada hadirin pada penutupan forum itu, Dr Mahathir menyebut "kecapaian" seolah-olah memberitahu hadirin bahawa pemilihan perkataan itu oleh beliau lebih tepat.

Prof Mahadzir sekali lagi menyebabkan hadirin ketawa dengan berkata, Melayu mencakupi semua orang sama ada "DKK, DKA, Jawa dan lain-lain". - Bernama

(END)